

# China hargai hubungan Malaysia sejak tiga dekad

Oleh Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: China amat menghargai kesediaan Malaysia selaku negara Asean pertama mewujudkan hubungan diplomatik dengannya 30 tahun lalu dan yakin pertalian itu akan menjadi asas utama bagi memperluaskan bidang kerjasama ekonomi sosial dan budaya antara kedua-dua negara.

Presiden China, Hu Jintao, dalam satu perutusan kepada Yang di-Perutusan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, berkata beliau yakin kerjasama erat yang terjalin selama ini dapat dimanfaatkan untuk memupuk keamanan serantau.

"Sejak tiga dekad lalu, kerjasama dua hala China-Malaysia menjana banyak pembangunan yang menguntungkan rakyat kedua-dua negara dan mewujudkan hubungan lebih akrab bagi maju setapak lagi untuk menceburi bidang usaha sama baru.

"China dan Malaysia kini memberi keutamaan terhadap pembangunan infrastruktur serta ekonomi. Saya yakin persamaan ini akan menjadi pemangkin bagi merapatkan lagi hubungan kita," katanya.

Hubungan diplomatik yang dijalinakan Perdana Menteri kedua Malaysia, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dengan China ketika pemerintahan Mao Tze Tung, kini dilihatnya bukan saja antara dua kerajaan, tetapi juga antara rakyat kedua-dua negara.

Ketika hubungan diplomatik itu dijalinakan, China lebih dilihat sebagai blok negara komunis dengan dasar tutup pintu, kini negara itu adalah gergasi Asia yang bersikap mesra dengan negara jiran di benua itu dan dunia seluruhnya.

Perdana Menteri China, Wen Jiabao, dalam perutusannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berterima kasih terhadap kesinambungan hubungan baik antara kedua-dua negara selama 30 tahun.

"Pegangan terhadap lima dasar asas iaitu persefahaman kerjasama ekonomi, budaya dan pendidikan selain hubungan antarabangsa serta dasar luar yang sentiasa mengutamakan persahabatan antara dua negara menjadi punca keakraban ini.

"Kedudukan Malaysia sebagai negara penting dalam Asean dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) selain keanggotaannya dalam pelbagai forum serantau serta antarabangsa dapat dimanfaatkan China menerusi hubungan strategik antara kedua-dua negara," katanya.

Sementara itu, perutusan Menteri Luar China, Li Zhaoxing kepada rakan sejawatannya di sini, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menyentuh mengenai lawatan terbaru Perdana Menteri Malaysia ke China 27 Mei lalu, yang disifatkan sebagai lembaran baru dalam hubungan Malaysia-China.

"Pelbagai persefahaman dan per-



Abdullah bersalam dengan pegawai kementerian UMW Holdings Berhad dan GNPC Holdings Berhad pada majlis perasmian Shanghai BSW Petropipe di Shanghai, semalam. - Gambar Bernama

janjian mengenai hubungan serta kerjasama dua hala yang ditandatangani dalam lawatan kali ini dapat mengukuhkan lagi asas kerjasama yang sedia ada.

"Perkembangan ini turut memberi keyakinan kepada rakyat kedua-dua negara untuk mewujudkan usaha sama ekonomi, kebudayaan dan sosial secara lebih mendalam.

"Saya percaya hubungan yang rapat ini menjanjikan masa depan yang lebih cerah dan kemakmuran berpanjangan untuk kedua-dua negara," katanya.